

15/02/1999

Kekebalan ekonomi Amerika Syarikat tergugat

Kadir Dikoh

AKHIRNYA Amerika Syarikat benar-benar merasai bahang kegawatan ekonomi Asia apabila eksport barangan industrinya rugi RM114 bilion (AS\$30 bilion). Ini menyebabkan berlakunya pembuangan pekerja sektor pembuatan. Pendapatan ladang juga merosot. Kenyataan ahli Kongresnya, Doug Bereuter mengenai perkara ini baru-baru ini tidak mengejutkan. Anggapan selama ini bahawa Rumah Putih sukar ditembusi 'peluru' gegaran jangkitan kegawatan ekonomi Asia, ternyata tidak benar.

Hakikat ini menidakkan pelbagai tuduhan awal yang dilemparkan kuasa besar itu kepada negara-negara di Asia, sebaik saja krisis ekonomi tercetus di Asia 18 bulan lalu. Krisis itu bermula di Thailand pada Julai 1997 sebelum merebak ke Indonesia, Korea Selatan, Filipina, Malaysia dan hampir seluruh Asia Timur termasuk Jepun.

Amerika Syarikat antara lain menuduh krisis itu berpunca daripada ketidaksempurnaan ekonomi domestik negara yang terjejas, rasuah, sistem perbankan yang tidak terkawal, defisit akaun semasa yang melebar, tanggungan hutang luaran yang banyak dan kemudian dikaitkan isu kronisme yang menebal di Asia. Krisis itu kemudian menular ke Russia, Afrika dan Amerika Latin.

Kepada Amerika Syarikat, apa yang berlaku di Asia bukan masalahnya tetapi dalam pada itu, ia mencari peluang untuk terus menjadi jaguh dunia melalui Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) di bawah naungannya. Maka IMF menjelajah Asia Tenggara dengan menawarkan bantuan kepada Thailand, Indonesia dan Korea Selatan kononnya membawa bersama ubat mujarab yang kemudiannya didapati bukan saja tidak menyembuh 'penyakit' tetapi lebih 'menyakitkan'. Dalam kes di Indonesia, keadaan lebih perit apabila beberapa bank ditutup, inflasi meningkat, pengangguran bertambah dan akhirnya mencetus rusuhan berdarah.

Namun, Malaysia terlepas daripada 'memakan pil IMF' apabila berusaha sendiri memerdekakan dasar ekonomi domestik dengan tidak mengikut telunjuknya mengetatkan dasar kewangan fiskal seperti menaikkan kadar faedah, mengekang kredit dan mengurangkan perbelanjaan awam. Pada mulanya, Malaysia menterjemahkan resipi IMF itu tetapi menerima padah apabila pertumbuhan ekonomi negara menguncup selepas amalan itu diguna pakai lebih enam bulan dan terjerumus ke era kemelesetan buat kali pertama pada tempoh 13 tahun.

Menyedari keadaan yang semakin meruncing, kerajaan dengan pantas mengubah strategi secara drastik dengan melepaskan terus segala amalan ala-IMF bermula September lalu. Hasilnya, pertumbuhan mula meningkat pada suku ketiga tahun lalu meskipun masih dalam keadaan menguncup. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) diunjurkan menguncup lebih enam peratus bagi sepanjang 1998 tetapi perangkaan sebenar diketahui apabila Bank Negara Malaysia mengumumkan laporan tahunannya akhir Mac ini.

Pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat diunjurkan antara dua dan tiga peratus tahun ini, susut daripada kira-kira empat peratus pada 1998. Bereuter yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kecil Dewan Kongres mengenai Asia dan Pasifik, mengaitkannya dengan masalah ekonomi yang tercetus di Asia.

Peliknya, sepanjang tempoh kegawatan ekonomi membelenggu Asia, kuasa besar itu lebih menitikberatkan nasib Jepun dan bukan negara jiran lain di Asia yang lebih miskin. Apabila Jepun mengemukakan cadangan awal pakej AS\$100 bilion (RM380 bilion) untuk membantu jiran di Asia menangani

masalah ekonomi, Amerika Syarikat pula mahu jumlah itu dikurangkan kepada AS\$30 bilion (RM114 bilion) saja. Sebaliknya, ia mahu Jepun menyumbangkan dana untuk membantu syarikat-syarikat bermasalah di Amerika Syarikat.

Akhirnya, Jepun terpaksa mengalah dan mengurangkan cadangan bantuan itu kepada AS\$30 bilion yang kini dikenali sebagai Pelan Miyazawa. Sebenarnya, Amerika Syarikat ada kepentingan di Jepun kerana urusan dagangannya yang banyak dan sebab itu jugalah ia amat bimbang kemungkinan China menurunkan nilai mata wang yuan.

"Kepada Amerika Syarikat, apabila Yuan dinilai semula, bermakna jarak pemulihan ekonomi Asia khususnya Jepun akan menjadi jauh dan tidak akan mudah pulih dalam tempoh terdekat. Bagi Malaysia, ekonominya tidak akan mudah terjejas walaupun yuan diturunkan nilainya. Pihak yang menggembargembur atau menakut-nakutkan negara Asia mengenai kesan buruk penurunan nilai yuan adalah Amerika Syarikat kerana ada kepentingan sendiri," kata seorang penganalisis tempatan di sebuah firma penyelidikan antarabangsa di Kuala Lumpur.

Washington turut mendesak Jepun membuka pasarannya dengan menghapuskan halangan seliaan, perdagangan dan pelaburan dengan sekali lagi 'menggemparkan' Asia bahawa jika pasaran Jepun tidak dibuka, negara Asia akan amat bergantung kepada pasaran Amerika Syarikat. Meskipun hakikat ini sedikit sebanyak ada kebenarannya kerana misalnya, Amerika Syarikat adalah pengimport utama barangan Malaysia tetapi dalam banyak hal, kuasa Barat itu bersandiwara dengan Asia ibarat lontar batu sembunyi tangan. Ada kalanya Amerika Syarikat kelihatan menjadi 'penyelamat' ekonomi negara Asia melalui janji bantuan kewangan serta kepakaran teknologi tetapi ada masanya bagaikan 'pemusnah'.

Kuasa Barat itu juga bagaikan memperli seruan Malaysia untuk mengawal selia kegiatan berbentuk spekulatif terhadap mata wang sejak ia disuarakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad buat kali pertama di Hong Kong lebih setahun lalu.

Sebenarnya, kuasa Barat itu takut eksportnya ke Asia juga akan menurun, meningkatkan defisit perdagangan Amerika Syarikat lebih tinggi manakala seruan bagi dasar perlindungan akan meningkat. Mereka mahu terus kekal di pasaran Asia tetapi kaedah untuk menangani krisis Asia menerusi IMF sebelum ini sudah silap. IMF sendiri secara terang mengakui kesilapan itu baru-baru ini.

Baru-baru ini, Washington turut gelabah apabila krisis ekonomi tercetus di Brazil, negara terbaru menerima jangkitan kegawatan. Amerika Syarikat harus belajar daripada pengalaman dan bukan semata-mata berdasarkan teori ekonomi buku teks kerana di mana saja krisis kewangan tercetus di dunia ini, akan pasti memberi kesan kepada mana-mana negara sama ada secara langsung atau tidak selagi sesebuah negara itu bergantung kepada sumber luaran yang berkaitan sektor eksport dan import serta pendedahan kepada hutang asing.

Oleh itu, Malaysia juga tidak terlepas daripada kesan jangkitan krisis kewangan terbaru di Brazil sehingga memaksa nilai mata wangnya, real diturunkan. Persoalannya seburuk mana kesan itu ke atas negara kita.

Dalam hubungan ini, kita harus melihat bagaimana krisis di Brazil itu memberi kesan kepada Amerika Syarikat. Kesan awal ialah kejatuhan menjunam pasaran saham di New York hingga turut menggegarkan bursa utama lain termasuk pasaran saham London. Selain itu, hampir keseluruhan bursa saham utama di Asia turut memberi reaksi meskipun pada tahap sederhana pada awal bulan lalu.

"Washington mengeksport kira-kira 20 peratus pasarannya ke Amerika Latin dan kemelasetan ekonomi Brazil, akan pasti memberi tekanan kepada Amerika Syarikat. Keadaan ini akhirnya akan turut melembapkan ekonomi Amerika Syarikat. Jika ini berlaku, maka Malaysia akan turut terbabit kerana

Washington adalah pengimport utama barangan kita, diikuti Jepun. Dalam keadaan sekarang, kita perlu memperbanyakkan eksport untuk memperolehi dana asing," kata penganalisis perbankan di TA Securities, Chie King Ngu.

Perangkaan terbaru pula menunjukkan bahawa destinasi eksport utama Malaysia tahun lalu adalah anggota Asean (24.3 peratus), Amerika Syarikat (21.7 peratus), Kesatuan Eropah (16.2 peratus), negara Selatan (11.6 peratus) dan Jepun (10.5 peratus). Sementara import pula kebanyakannya dari Asean (22.7 peratus), Amerika Syarikat (20 peratus), Jepun (19.4 peratus), Kesatuan Eropah (11.8 peratus) dan negara Selatan (6.6 peratus).

Namun, Amerika Syarikat jugalah antara masyarakat pelabur pertama memberi pandangan negatif apabila Malaysia memperkenalkan dasar kawalan tukaran secara berpilih pada September lalu dan dasar itu dilonggarkan baru-baru ini atas desakan pengurus dana asing yang menguasai kira-kira 23 peratus atau RM69 bilion daripada permodalan pasaran sebanyak RM300 bilion di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Kebanyakan dana itu dikatakan dikuasai pelabur dari Amerika Syarikat.

Pada 4 Februari lalu, Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin mengumumkan kelonggaran itu apabila memperkenalkan dasar levi ke atas dana asing yang dibawa keluar dari negara ini sebelum tempoh matang yang ditetapkan berkuatkuasa 15 Februari.

"Dasar baru ini adalah cadangan mereka (pelabur asing). Kita mengkajinya secara berhati-hati dan kita berpendapat, ini adalah yang terbaik untuk negara dan pelabur. Mereka menerima idea ini," kata Daim pada sidang akhbar bagi mengumumkan dasar levi itu.

Ketika memperkenalkan dasar kawalan tukaran asing September lalu, kerajaan turut menetapkan kadar ringgit pada RM3.80 berbanding dolar Amerika Syarikat tetapi dianggap Barat sebagai kawalan modal 'secara total'. Namun, langkah itu berjaya menstabilkan kadar faedah dan yang lebih berkesan ialah 'mematikan' terus serangan spekulator terhadap ringgit khususnya di luar pesisir setelah mata wang tempatan itu tidak sah lagi diperlakukan di luar negara selepas 1 Oktober lalu.

Malah, Indeks Komposit di BSKL kini menunjukkan arah aliran yang meningkat melebihi 560 mata iaitu naik lebih sekali ganda berbanding September lalu. Ketika tercetus krisis ekonomi di Brazil bulan lalu, dasar kawalan itu turut membantu melindungi negara kerana penambatan ringgit tidak lagi terdedah kepada turun naik pasaran dan dengan itu mengekang kenaikan kadar faedah daripada tekanan luaran.

Negara turut mencatat lebihan imbalan perdagangan tahun lalu berjumlah RM58.15 bilion yang mencerminkan usaha kerajaan memacu pertumbuhan ekonomi menerusi eksport dan penggantian import semakin berjaya.

Sekarang kita ingin melihat sejauh mana komitmen negara maju khususnya Amerika Syarikat menangani krisis ekonomi sejagat dan saranan mengenakan tatacara kawalan ke atas perdagangan mata wang.

(END)